

Newspaper	Berita Harian
Date	23 August 2015

MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA NERUS

# Jangan khianati UMNO: Najib

BH-23/8/2015

» Formula 5K pastikan kesinambungan perjuangan parti

Oleh Rosli Abdul Jalil dan Baharom Bakar  
bhkt@bh.com.my

► Kuala Nerus

**D**atuk Seri Najib Razak menggariskan formula '5K' yang perlu menjadi pegangan setiap ahli dan pemimpin UMNO bagi memastikan kesinambungan perjuangan parti.

Presiden UMNO itu berkata, K pertama ialah jangan khianati parti dan tidak mementingkan diri sendiri.

"Perbuatan khianat ini lebih tepat dengan istilah cah keting atau peteh keting yang biasa disebut orang Terengganu.

"Huruf 'K' yang lain ialah jangan tebuk kapal kerana UMNO ibarat bahtera yang besar.

"Jangan korek kapal sendiri. Jika ini berlaku, semua orang akan mati lemas dan jika berlaku semasa pilihan raya, kita semua akan kalah. Perkara ini mesti dielakkan," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Nerus di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari.

#### Kerja sepasukan

Mengulas 'K' seterusnya, Najib berkata keija keras dalam kalangan anggota UMNO dan bergerak sebagai satu pasukan adalah faktor penting, selain memastikan wujud jalinan keijasama erat - 'K' keempat -

antara kerajaan pusat dan negeri.

Elemen terakhir merujuk kepada kebolehan anggota parti, khususnya yang mahu diletakkan sebagai calon parti.

"Jika nak ketengahkan orang (sebagai calon pilihan raya), mesti yang ada kompetensi atau kebolehan. Ini antara 'K' yang kita boleh pakai dan jika diamalkan saya yakin UMNO boleh berjaya," katanya.

#### Nyatakan pendapat secara beradab

Dalam ucapannya, beliau juga menyatakan keyakinannya UMNO Terengganu mampu memenangi semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang.

"Perbezaan pendapat biarlah cara beradab. Orang Melayu ada seninya. Marah pada anak, sindir menantu. Islam pun melarang mengaibkan orang.

"Kalau berbalah, jangan sampajiran tetangga tahu ke-

rana akhirnya mereka akan mentertawakan kita," katanya.

Beliau berkata, sama ada di peringkat bahagian atau tertinggi dalam parti, prinsipnya ialah menjaga adab antara kita, barulah parti akan berjaya.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan Kerajaan Persekutuan akan menimbang dengan serius pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Tumpat di Kelantan.

Katanya, kerajaan akan membuat kajian mendalam mengenainya bagi memberi penyelesaian kepada rakyat, terutama pada musim perayaan.

"Jika ada kemampuan, kerajaan akan melaksanakannya," katanya.

Beliau turut mengumumkan kelulusan pembinaan 5,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di Terengganu yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Nasional Berhad.